

KEMERDEKAAN HAKIKI

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُوْتِي الْمَلِكِ مِنْ تَشَاءٍ وَتَنْزِعِ الْمَلِكِ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ
بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَوَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Hari ini kita menyambut hari kemerdekaan yang ke-61 di seluruh negara dengan pelbagai cara dan pendekatan. Apakah erti kemerdekaan? Sebahagian menterjemahkan erti kemerdekaan sebagai kebebasan daripada penjajahan kuasa

asing. Ada juga yang mentafsirkannya sebagai kebebasan untuk melakukan apa sahaja yang terlintas di hati. Ada yang mengatakan bahawa kemerdekaan itu ertinya bersyukur atau berpuas hati dengan apa sahaja yang ada walaupun tiada sebarang perubahan ke arah kebaikan. Persoalannya adakah memadai sekadar itu sahaja kita menterjemahkan erti kemerdekaan? Justeru untuk menilai sejauh mana erti kemerdekaan yang sebenar maka kita perlu mengetahui apakah pandangan Islam terhadap kemerdekaan.

Kemerdekaan merupakan salah satu prinsip asas dalam Syariat Islam. Islam melihat kebebasan sebagai suatu keperluan asasi bagi setiap manusia. Kemerdekaan bagi umat Islam adalah bermula daripada roh tauhid atau akidah yang berteraskan pengertian dua kalimah syahadah dan membebaskan diri daripada menyembah selain Allah Subhanahu wa-Taala. Oleh sebab itu, agama Islam menyeru manusia supaya berpegang kepada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan membebaskan diri daripada ajaran sesat, tahyul, khurafat dan perbuatan syirik kepada Allah *Subhanahu wa-Taala*. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Yusuf ayat 108 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ

الْمُشْرِكِينَ

Yang bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad), "Inilah jalanku, aku dan orang yang mengikutku menyeru (manusia umumnya) kepada agama Allah dengan keterangan yang nyata. Maha Suci Allah (daripada sebarang sekutu) dan aku bukanlah daripada golongan yang musyrik (yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Golongan yang berpemikiran songsang mengertikan kemerdekaan dengan membebaskan diri sebebaskan-bebasnya daripada sebarang bentuk ikatan undang-undang dan keagamaan seperti menghalalkan LGBT dengan alasan hak asasi manusia atau hak individu. Memahami erti kemerdekaan sebagai kebebasan seperti inilah yang menjadikan sebahagian masyarakat kita hilang panduan hidup akibat mendahulukan akal mengatasi syariat.

Islam tidak pernah menghalang hak manusia untuk berbuat sesuatu perkara, tetapi mestilah digunakan sebaik-baiknya untuk mencari keredaan Allah *Subhanahu wa-Taala* bukan mengikut hawa nafsu semata-mata. Firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah al-Jathiyah ayat 23:

أَفَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ عَاِمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِ، وَقَلْبِهِ، وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِ غِشَاوَةً

فَمَنْ يَهْدِيهِ مِنْ بَعْدِ اللَّهِ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾

Yang bermaksud: *Maka, pernahkah engkau melihat (wahai Muhammad) orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan yang dipatuhinya, dan dia pula disesatkan oleh Allah berdasarkan ilmu-Nya (bahawa ia tetap kafur), serta dikunci mati pula pendengarannya dan hatinya, dan diletakkan lapisan penutup ke atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang yang engkar) tidak mengambil pengajaran?*

Dalam konteks sebuah negara yang merdeka, Islam telah menetapkan bahawa syariat Islam adalah merupakan peraturan dan perundangan tertinggi yang

mesti diguna pakai dalam negara yang ditadbir oleh umat Islam. Para pemimpin pula adalah golongan yang diberikan amanah untuk mendaulatkan agama Islam dan membersihkannya daripada sebarang bentuk kuasa asing atau pengaruh agama lain dan perundangan-perundangan yang bertentangan dengan syariat Islam. Maka sewajarnya pihak yang bertanggungjawab lebih bersungguh-sungguh dalam usaha untuk memartabatkan perundangan Islam dan meruntuhkan sistem Jahiliyyah yang bertentangan dengannya. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah al-Maidah ayat 50;

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

Yang bermaksud: “Apakah hukum Jahiliyyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang yang yakin?”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Ingatlah bahawa perjuangan kita bukan setakat memerdekakan tanah air semata-mata. Oleh yang demikian, bersempena dengan sambutan kemerdekaan pada tahun ini, marilah kita bersama-sama berusaha memerdekakan jiwa, minda, tingkah-laku dan budaya kita daripada terus dipengaruhi oleh pemikiran jahiliah dan dijajah oleh pemahaman barat yang menyesatkan. Isi dan pertahankanlah kemerdekaan dengan mengamalkan segala tuntutan dan ajaran Islam yang sebenarnya. Apalah ertinya kebebasan kebendaan jika buruk akhlaknya. Apalah ertinya sorakan kemerdekaan dan kibaran bendera di merata-rata tempat jika tiada lagi semangat juang untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara. Apalah ertinya berbangga dengan keamanan dan kemewahan negara jika ia hanya

menambahkan dosa. Dan tiadalah gunanya bangunan mencakar langit pun jika nasib agama Islam dan bangsa Melayu tidak terbela.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ

وَأَشْكُرُوا لَهُ، بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud: *Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadanya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun!.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ
الرَّحِيْمُ.